

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU]

TARIKH : 28 NOVEMBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN 15

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-

- (a) status terkini penyediaan harta tanah kediaman kepada generasi baru Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) khasnya kepada generasi kedua FELDA seluruh negara; dan
- (b) langkah-langkah Kementerian di dalam usaha meningkatkan taraf sosial dan ekonomi masyarakat FELDA khasnya dan kawasan luar bandar amnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin dengan keperluan perumahan generasi FELDA. Sehubungan itu, di bawah inisiatif Kertas Putih FELDA, Kerajaan telah meluluskan peruntukan geran sebanyak RM250 juta kepada FELDA untuk menyiapkan 4,794 unit rumah di 20 tapak projek PGBF berbanding keseluruhan 8,314 unit rumah di 38 projek PGBF.
2. Sehingga kini, daripada 20 projek tersebut, sebanyak 9 projek yang melibatkan 1,698 unit rumah telah mendapat pentauliahahan Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance-CCC*).

Daripada jumlah tersebut, 1,070 unit rumah atau 63%, telah diserahkan kunci manakala 628 unit masih dalam proses penyerahan kepada peserta.

3. Di samping itu, terdapat 11 projek melibatkan 3,096 unit rumah masih dalam pembinaan. Sebanyak 660 unit dijangka dapat disiapkan dan diserahkan pada bulan Disember 2019 dan baki sebanyak 2,436 unit akan disiapkan secara berperingkat pada tahun 2020.

4. Usaha Kerajaan untuk menyiapkan rumah-rumah yang terbengkalai ini akan dapat memberikan manfaat langsung kepada generasi baharu FELDA. Tumpuan Kerajaan pada masa ini adalah untuk menyiapkan projek PGBF yang berada pada tahap kemajuan kerja 70% ke atas. FELDA juga sedang menjalankan Penilaian *Outcome* sebagai satu kaedah untuk mengukur prestasi dan pencapaian projek PGBF yang telah dilaksanakan. Data daripada hasil kajian ini dijangka akan dapat membantu FELDA menyediakan pelan tindakan yang lebih komprehensif dan mampan dalam menyelesaikan isu perumahan generasi baharu FELDA.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan taraf sosial dan ekonomi warga FELDA seperti Model FELDA Baharu, menambah baik model pengurusan ladang dan pelbagai inisiatif berkaitan kebajikan dan kesejahteraan peneroka. Di samping itu, FELDA juga akan meningkatkan aktiviti nilai ditambah tinggi serta mengukuhkan sinergi di sepanjang rantai nilai melalui kerjasama strategik dengan agensi berkaitan perladangan dan pertanian terpilih.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara inisiatif di bawah Model FELDA Baharu adalah sewaan tanah jangka panjang, program pembangunan peneroka, pengurusan ladang melalui pengukuhan koperasi FELDA dan perluasan penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi. Program-program ini dijangka dapat memberi manfaat kepada peneroka secara langsung dan tidak langsung. Sebagai contoh, sewaan tanah peneroka untuk satu tempoh jangka panjang dapat menyelesaikan

NO. SOALAN : 15

isu demografi peneroka dan ketiadaan ekonomi bidangan (*economies of scale*). Pengenalan model baharu ini akan membolehkan tanah peneroka diusahakan secara cekap, berskala besar dengan ekonomi bidangan yang boleh mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti.

7. FELDA juga telah mengenal pasti program tanaman gantian dan ternakan yang mampu memberikan hasil tuaian dalam tempoh yang singkat dan berpotensi untuk menjana aliran tunai dengan cepat dan konsisten. FELDA telah pun mengkaji serta mengenal pasti beberapa jenis aktiviti tanaman dan ternakan sampingan yang kini digiatkan secara jayanya oleh warga peneroka serta cadangan projek-projek baharu. Antaranya ialah projek nanas, pisang, roselle, cendawan, arnab, lembu dan ayam pedaging. Inisiatif ini akan mampu *empower* generasi baharu FELDA dan mengurangkan kebergantungan peneroka kepada hasil kelapa sawit dan getah.

8. Usaha ini perlu dilaksana memandangkan industri kelapa sawit bergantung kepada pasaran dunia yang tidak menentu serta terdedah kepada pelbagai risiko seperti permintaan yang rendah daripada negara pengimport, sekatan dagangan daripada kebanyakan negara Eropah dan harga minyak sawit mentah (CPO) yang tidak stabil. Program tanaman gantian ini akan dapat meringankan beban peneroka yang terkesan akibat kejatuhan harga komoditi.

Sekian, terima kasih.